

Kerajaan negeri serius tangani pencemaran udara

- 2019-11-20T00:30:02+08:00



UNTUK PEMANTAUAN: Awang Tengah memukul gendang sebagai simbolik perasmian stesen sistem pemantauan kualiti udara yang dilancarkan semalam. Turut kelihatan Len Talif (enam kanan), Jamilah (tiga kiri) dan Tuah (lima kanan) serta yang lain.

LUNDU: Kerajaan negeri serius menangani pencemaran udara sama ada dalam negeri mahupun rentas sempadan.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, usaha menangani isu berkenaan telah dipinda untuk melindungi alam sekitar selain menubuhkan stesen sistem pemantauan kualiti udara di sempadan.

“Bagi menangani isu pencemaran udara, kerajaan akan terus mencari pendekatan baharu dan tidak akan bersikap bersahaja,” katanya yang juga Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua semasa melancarkan stesen sistem pemantauan kualiti udara di sini, semalam.

Beliau berkata, pengwujudan stesen baharu berkenaan adalah bertepatan pada masanya memandangkan jerebu telah menjejaskan negeri ini setiap tahun, untuk memaklumkan penduduk di kawasan berkenaan mengenai tahap jerebu. Dengan stesen baharu di Lundu yang diluluskan tahun lepas dan telah beroperasi sejak bulan lepas, Sarawak kini mempunyai empat stesen yang seumpamanya iaitu di Lawas, Lubok Antu dan Tebedu, yang telah dinaik taraf serta memulakan operasi pada bulan lepas.

Keempat-empat stesen berkenaan ditempatkan berdekatan sempadan Indonesia. Awang Tengah turut menegaskan bahawa kerajaan negeri juga membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Sumber Asli dan Alam Sekitar (Pindaan) 2019 yang telah diluluskan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) 5 November lalu, bertujuan memantau jerebu tempatan.

Katanya RUU berkenaan akan memperkasakan lagi kuasa penguatkuasaan kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) untuk melindungi alam sekitar. Beliau pada masa yang sama menggesa orang ramai bekerjasama dengan NREB dan melaporkan kepada pihak berkuasa bagi melindungi alam sekitar untuk generasi masa depan.

Awang Tengah juga menggesa orang ramai tidak melakukan pembakaran terbuka semasa musim kemarau yang boleh menyumbang kepada jerebu. Sementara itu Kontroler NREB Justine Jok Jau Emang berkata, NREB kini dalam proses membina stesen pemantauan kualiti udara di Bario.

Hadir sama Menteri Muda Pembangunan Bandar dan Alam Sekitar Datu Len Talif Salleh, Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjong Datu Datuk Amar Jamilah Anu dan Timbalan Residen Kuching Tuah Suni.